

24 APR 2002

PERLIS LANJUT CUTI UMUM HINGGA JUMAAT SEMPENA PERTABALAN AGONG

KANGAR, 24 April (Bernama) -- Kerajaan Negeri Perlis mengumumkan cuti umum pada Jumaat ini sempena istiadat pertabalan Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12.

Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, rakyat Perlis akan menikmati dua hari cuti umum selain cuti umum seluruh negara sempena istiadat pertabalan itu esok.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju supaya Perlis melanjutkan cuti umum sehingga Jumaat," katanya ketika dihubungi BERNAMA di Kuala Lumpur petang ini.

Shahidan berkata, rakyat Perlis berbangga dan bersyukur dengan perlantikan Tuanku Syed Sirajuddin sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Selepas almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong ketiga lebih 40 tahun lalu, ini adalah kali kedua seorang raja Perlis dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Menteri Besar berharap rakyat Perlis dapat memanfaatkan cuti umum itu dengan sebaik mungkin sebagai menandakan kegembiraan dan kesyukuran mereka terhadap pertabalan itu.

-- BERNAMA

AD PR